

# Bas mini perlu perubahan - PM

Oleh MARYATI JAAFAR

**P**EKAN 25 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, cadangan kerajaan menyusun semula perkhidmatan bas mini dan bas berhenti-henti di Kuala Lumpur adalah untuk disesuaikan dengan perubahan semasa.

Perdana Menteri menegaskan bahawa penyusunan semula itu yang melibatkan perubahan struktur bas dan penyatuan di bawah satu syarikat bukanlah bertujuan menyusahkan mereka yang terlibat dalam perkhidmatan bas.

"Kita buat sesuatu bukan nak menyusahkan orang. Jika mereka (pemilik bas) masih berminat, mereka boleh mengambil bahagian dengan membeli saham syarikat tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas majlis pelancaran dan penyerahan 40 buah kenderaan Diversified Resources

Berhad (DRB) Pinzgauer kepada Kementerian Pertahanan, di sini, petang ini.

Dr. Mahathir berkata, di samping mengikut peredaran masa, perubahan itu juga akan meningkatkan mutu perkhidmatan bas di negara ini supaya menjadi lebih tersusun lagi.

Ini juga katanya adalah untuk memberi kemudahan yang lebih baik kepada pengguna khususnya di bandar raya Kuala Lumpur yang penduduknya meningkat kepada kira-kira dua juta orang pada masa ini.

Beliau menegaskan, jika tidak ada perubahan, pengguna akan menghadapi masalah kerana terpaksa menggunakan bas yang lama di dalam bandar yang semakin berkembang pesat.

Perdana Menteri berkata, sepatutnya terdapat satu syarikat sahaja yang dianggotai oleh pemilik-pemilik bas mengendalikan perkhidmatan bas di bandar bagi melicinkan pentadbiran.

"Di London yang lebih

besar daripada Kuala Lumpur dengan penduduknya berjumlah 10 juta orang hanya mempunyai satu syarikat bas sahaja," katanya.

Sehubungan itu, beliau telah mengarahkan Datuk Bandar supaya berunding dengan syarikat-syarikat bas supaya bergabung di bawah satu syarikat sahaja.

"Mereka (pemilik bas) berhak beli saham dalam syarikat ini dan jumlah saham adalah bergantung kepada prestasi syarikat tersebut.

"Kita bukan hendak rampas hak orang untuk diberikan kepada orang lain tetapi masa beredar dan kita perlu tingkatkan pawaiannya kita. Kita kena terima keadaan ini," jelasnya.

Mengenai sikap pemandu-pemandu bas mini, Dr. Mahathir berkata, pengusaha bas mini yang terlalu banyak akhirnya menyebabkan mereka berlumba-lumba sesama sendiri untuk mendapatkan penum-

pang sehingga tidak memperdulikan peraturan lalu lintas.

"Kita sedar bahawa bas mini memang berguna tetapi cara ia dikendalikan tidak teratur. Kita dapati tuannya bas mini ini sebenarnya tidak membawa bas mereka.

"Walaupun mereka memberikan pelbagai alasan tetapi akhirnya bas-bas mini ini berpindah kepada dua atau tiga tangan dan akhirnya yang membawa bas tersebut ialah bukan warganegara kita pun," tegasnya.

Kata Perdana Menteri, penggunaan bas yang ada sekarang akan ditamatkan perlahan-lahan.

Beliau menambah, sistem tiket juga akan dipermudahkan sama ada dengan menggunakan *pre-paid ticket*, kad seperti kad telefon atau mesin automatik.

Ini, katanya, dapat mengurangkan belanja kerana ia tidak memerlukan konduktor.